

## LAMPIRAN I

Jadual Bunyibahasa Bahasa Thaia. Konsonan

Konsonan	bibir		Gusi	Lelangit keras- gusi	Lelangit keras	Lelangit lembut	glotis
	dua bibir	bibir gigi,					
Letupan:							
1. tanpa bunyi 'h' tak bersuara	p-		t-			k-	?
bersuara	b		d				
2. dengan bunyi 'h' tak ber- suara	ph-		th-			kh-	
Letusan:							
1. tanpa bunyi 'h' tak bersuara				c-			
2. dengan bunyi 'h' tak bersuara				ch-			
Geseran tak ber- suara		f-	s-				h-
Sengau bersuara	m		n			ŋ	
Sisian bersuara			l-				
Getaran bersuara			r-				
Separuh-vokal ber- suara	w				y		

b. Vokal

	Depan	Tengah		Belakang	
		tidak membundarkan bibir		membundarkan bibir	
Sempit	i ī		ɨ ɨ̄		u ū
Separuh sempit	e ē		ə ə̄		o ō
Luas	ɤ ɤ̄		a ā		ɔ ɔ̄

Diftong

ia	īā	ɨa	ɨ̄ā	ua	ūā
----	----	----	-----	----	----

c. Nada

Pertengahan

Tidak ada tanda

rendah

˘

Menurun

˙

Tinggi

ˆ

Menurun-meninggi

ˊ

## LAMPIRAN 2

Biodata Pengarang 2.1  
CHART KOBJITTI  
'Kham-phi-phak-sa'  
(Korban Fitnah)

CHART Kobjitti dilahirkan dari keluarga pedagang kelas pertengahan di Wilayah Samut Sakhorn, Thailand, pada tahun 1954. Semasa masih lagi penuntut sekolah menengah, beliau membuat keputusan untuk menyara hidupnya sebagai seorang penulis dan, selepas tamat dari Sekolah Seni Halus Pho Chang, beliau mencari pengalaman dalam berbagai-bagai bidang untuk membantunya mencapai impiannya. Antologi cerpennya The Winning Day telah diterbitkan pada tahun 1979 dan, pada tahun 1980, novel The End Of The Lane telah diedarkan kepada umum. Buku-buku ini membuat beliau diiktiraf serta menjadi terkenal sebagai seorang penulis baru. Cerpennya menerima pujian dari Persatuan Penulis di Thailand pada tahun 1979 dan, pada tahun 1982, novelnya The Judgement dipilih sebagai buku tahunan oleh Majlis Kesusasteraan Kebangsaan di Thailand. Beliau menerima kejayaan selanjutnya pada tahun yang sama apabila, dengan novelnya The Judgement, beliau menjadi penulis yang keempat yang memenangi S.E.A. Write Award bagi Thailand. Pada masa sekarang beliau bertugas sebagai penulis bebas dan telah menerbitkan sebuah novel lagi dan beberapa buah cerpen (Mokhtar Ahmad dan Zainab Ahmad: 1988:v-vi).

Biodata Pengarang 2.2  
KHADIJAH HASHIM  
'Merpati Putih Terbang Lagi'

KHADIJAH HASHIM lahir di Batu Pahat, Johor. Beliau mendapat pendidikan sekolah Melayu, Inggeris dan agama. Beliau pernah menjadi guru agama dan sidang pengarang di Utusan Melayu dan di Berita Minggu. Kegiatan kreatifnya banyak ditumpukan kepada cerpen, novel dan drama. Novel-novelnya yang terkenal ialah Badai Semalam, Jalan ke Kubur, Pelangi Pagi, Belum Masanya, Merpati Putih Terbang Lagi, Bila dan Di mana, Mira Edora dan Dekat Dikenang Jauh Disayang. Kumpulan cerpennya ialah Segeluk Air dan Mawah Merah di Jambangan (Othman Puteh: 1988:700).

Biodata Pengarang 2.3  
 KRISSANA ASOKSIN  
 'Pun-pid-thong'

(Emas Yang Ditutup Dengan Simen)

Krissana Asoksin atau Sukanya Chollasik dilahirkan dari keluarga peguam di Bangkok, negara Thai pada tahun 1932. Beliau mendapat pendidikan ijazah di Fakulti Perdagangan dan Perakaunan, Universiti Thammasart, Bangkok, tetapi tidak lulus. Beliau pernah menjadi pustakawan di Perpustakaan Jabatan Perikanan, Kementerian Pertanian, tetapi telah meletakkan jawatan sejak tahun 1960 untuk bertugas sebagai penulis bebas. Kegiatan kreatifnya banyak ditumpukan kepada cerpen dan novel. Antara novel-novelnya yang terkenal dan yang dianugerahkan beberapa hadiah ialah /rīā-mâ-nût/ 'Kapal Manusia', /tà-wan-tòk-din/ 'Matahari Masuk ke Tanah', /rāk-kw/ 'Akar Tunjang', /mây-phlād-bay/ 'Daun Berselang-seli', /bān-khōn-nōk/ 'Rumah Bulu Burung', dan lain-lain. Kejayaan beliau seterusnya ialah dengan terbitnya novel /pun-pìd-thōj/ 'Emas Yang Ditutup Dengan Simen' yang telah memenangi S.E.A. Write Award bagi negara Thai, pada tahun 1985 (Krissana Asoksin: 1985:574-576).

Biodata Pengarang 2.4  
SHAHNON AHMAD  
'Seluang Menodak Baung'

SHAHNON AHMAD lahir di Kampung Banggul Derdap, Sik, Kedah pada tahun 1933. Mendapat didikan di sekolah Melayu dan Inggeris. Pernah menjadi guru bahasa Melayu dan Inggeris di beberapa buah sekolah di Kedah. Beliau pernah bertugas sebagai Pegawai Penyelidik Bahagian Perkamusan di Universiti Nasional Australia, Canberra di samping melanjutkan pelajaran sehingga mendapat ijazah Sarjana Muda. Kemudian mendapat ijazah Sarjana di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Pada tahun 1976 beliau dianugerahkan gelaran "Pejuang Sastera" oleh Perdana Menteri dan dalam tahun 1982 menerima Anugerah Sastera Negara. Kini beliau bertugas sebagai Pengarah di Pusat Islam, di Universiti tersebut. Lapangan yang amat diminati ialah novel dan cerpen. Di antara novelnya yang penting ialah Rentung, Ranjau Sepanjang Jalan, Menteri, Srengenge, Sampah, Kemelut, Seluang Menodak Baung dan Al-Sqiqah I. Kumpulan-kumpulan cerpennya ialah Anjing-anjing, Debu Merah dan Selesai Sudah. (Othman Puteh: 1988:704).